

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NEGARA

+

16 **Negara!**

Kosmo/ SELASA 20 OGOS 2024

## Pusat Darah perlukan segera darah A, B, O negatif

**PETALING JAYA** – Orang ramai yang berdarah kumpulan A, B dan O negatif diminta tampil dengan kadar segera untuk menderma bagi mengatasi keperluan bekalan darah yang semakin meningkat.

Menerusi hantaran di Facebook Pusat Darah Negara, selain kumpulan tersebut, permintaan bekalan darah O+ dan A+ juga semakin meningkat dan mencabar.

Katanya, peningkatan kes pembedahan dan kecemasan akibat pendarahan menyebabkan bekalan stok darah kumpulan-kumpulan terbabit semakin merosot.

"Minggu ini permintaan darah O+ dan A+ terus meningkat dan mencabar. Berganti-ganti 'marathon' panggilan telefon doktor kami terima.

"Banyak peningkatan kes

pembedahan, kecemasan akibat pendarahan di samping kegunaan pesakit yang memerlukan darah secara berkala seperti pesakit talasemia dan pesakit kanser," tulisnya.

Bagaimanapun katanya, sistem darah ini hanya menunjukkan paras stok di Pusat Darah Negara di mana bekalan akan diagihkan ke hospital-hospital di kawasan Lembah Klang.

Dalam pada itu, statistik pendermaan darah yang dikeluarkan Pusat Darah Negara menunjukkan 104,757 unit jumlah keseluruhan penderma darah bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini.

Sebanyak 60,835 unit daripadanya adalah pendermaan darah dalam kalangan belia, manakala sebanyak 101,722 unit jumlah pendermaan secara utuh. Bagi jumlah pendermaan da-

rah aferesis pula adalah sebanyak 3,035 unit.

"Terima kasih para Adiwira Darah dan Penganjur Kempen Derma Darah yang menjalankan tanggungjawab sosial dan sentiasa berdedikasi dalam memastikan stok bekalan darah untuk pesakit berterusan.

"Dermalah darah secara konsisten. Sila layari [www.pdn.gov](http://www.pdn.gov)," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : DALAM NEGERI

Punca pelajar sekolah keracunan makanan

# Telur goreng sudah berubah bau, rasa

Oleh **KAMALIZA KAMARUDDIN**  
utusannews@mediamulla.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Keracunan makanan yang berlaku di sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) di Terengganu baru-baru ini disyaki berpunca daripada telur goreng yang didakwa telah berubah bau dan rasa.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, bagaimanapun pihaknya masih menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian keracunan makanan.

Menurutnya, tindakan kawalan dan pencegahan bagi mengawal kejadian keracunan makanan itu telah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang terlibat.

"Kita terima laporan kejadian ini melibatkan pelajar-pelajar yang berumur antara 13 tahun hingga 17 tahun di sebuah

sekolah berasrama pada 15 Ogos (Khamis lalu).

"Hasil siasatan mendapati, seramai 32 daripada 629 orang pelajar (5.1 peratus) telah mengalami gejala keracunan selepas makan malam di kantin sekolah, sehari sebelum itu.

"Gejala utama yang dilaporkan adalah loya, muntah, sakit perut, cirit-birit dan demam," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Semalam, akhbar melaporkan kebimbangan ibu bapa di sebuah SBP di Terengganu mengenai masalah keracunan yang didakwa sering berlaku sejak kebelakangan ini dengan kes terbaru ialah pada Khamis lalu.

Justeru, ibu bapa berharap satu tindakan drastik akan dilakukan oleh pengurusan sekolah serta pihak berkuasa bagi mengelak perkara sama berulang lagi di masa akan datang.

Mengulas lanjut, Kasemani

berkata, seramai 23 pelajar telah mendapatkan rawatan pesakit luar di hospital dan klinik kesihatan manakala dua kes telah dimasukkan ke wad untuk rawatan lanjut.

"Kedua-dua pelajar ini berada dalam keadaan stabil dan telah dibenarkan pulang," katanya.

Tambahnya, kejadian keracunan makanan di kantin dan dapur asrama sekolah boleh dielakkan sekiranya pengusaha sentiasa memantau dan menyelia proses penyediaan makanan mengikut garis panduan keselamatan makanan yang telah disediakan.

"Pengusaha juga perlu memantau tahap kebersihan dan mengambil tahu dari mana sumber bekalan bahan makanan bagi memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantaian bekalan adalah terkawal," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 24  
RUANGAN : GAYA

Oleh: HALINA MD. NOOR  
gayautusan@mediamulia.com.my

“**L**UARANNYA saya mungkin nampak sempurna tetapi hakikatnya beberapa organ badan saya sudah tiada,” kata Nor Azri Mohd Noor, 54.

Gara-gara diserang kanser kolorektal atau usus, selain sebahagian usus, pundi kencing dan kelenjar prostat Nor Azri juga terpaksa dibuang dan diganti dengan beg atau tiub khas untuk membuang air kecil.

“Selepas pembedahan membuang usus, pundi kencing dan prostat, saya terpaksa menggunakan dua beg kencing yang diletakkan di bahagian pinggang dan kaki kiri sepanjang masa,” katanya sambil menunjukkan beg di bahagian depan pinggang dan kakinya tetapi tidak membenarkan gambar beg itu dirakam.

Nor Azri mengalami kanser usus tahap tiga. Beliau ditemui pada Forum Awam Kanser Kolorektal anjuran Persatuan Pakar Bedah Kolorektal Malaysia (MSCRS), di Shah Alam, baru-baru ini.

Forum diadakan sempena Larian Kesedaran Kanser Kolorektal 2024 di Shah Alam, Selangor. Ahli panel lain Pakar Bedah Kolorektal, Dr. Nik Qisti Fathi, Dr. Shafawi Adznan dan Dr. Mayuha Rusli dan seorang lagi bekas pesakit, Eirwan Shaile Elias.

Walaupun awalnya kansernya di tahap tiga, Nor Azri berkata, disebabkan keadaannya sangat serius dengan tumor agak besar, menjadikan ia tahap empat kerana membabitkan pundi kencing dan prostat.


“Saya seorang yang sangat aktif. Setiap tahun menyertai marathon. Tapi sejak usia saya 40 tahun, saya sudah mengalami najis berdarah. Gejala lain seperti sukar buang air besar atau cirit-birit.

“Walaupun mengalami gejala ini, saya tidak berjumpa doktor. Sebaliknya saya memandai-mandai berubat sendiri dengan pergi membeli ubat-ubat di farmasi dengan harapan gejala itu akan hilang,” katanya.

Namun harapannya tidak kesampaian sebaliknya tenaganya semakin hari semakin lemah. Kalau dulu, Nor Azri mampu berlari dalam arak jauh tetapi berlari sejauh 500 meter pun sudah cukup memenatkannya seperti berlari 10 meter.

Suatu ketika, Nor Azri mengalami demam dan selepas selbagai ujian dijalankan, dia selahkan mengalami kanser usus.

Ujian pemeriksaan najis



### KANSER KOLOREKTAL

» Kanser kolorektal atau usus adalah kanser ketiga dikaitkan dengan kematian akibat kanser.

» Kanser utama berlaku ke atas lelaki dan kedua ke atas wanita di Malaysia.

» Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023, mendedahkan 88 peratus dewasa berusia 50 tahun ke atas tidak pernah menjalankan pemeriksaan najis.


» Pengesanan awal dan kaedah pencegahan adalah penting.

» Peringkat awal (tahap satu hingga dua), kanser kolorektal mempunyai sehingga 90 peratus kadar kelangsungan hidup lima tahun selepas dikesan.

» Kadar ini menurun kepada 50 peratus pada peringkat peringkat tiga hingga empat.

» Kira-kira 70 peratus daripada penghidap kanser kolorektal yang mendapatkan rawatan perubatan bantuan pada peringkat seterusnya, membawa kepada rawatan yang lebih kompleks dan mahal untuk pesakit.

• Sumber Kementerian Kesihatan Malaysia.



Ujian Imunologi Darah Dalam Najis (FOBT) turut mengesan terdapat kanser dalam ususnya.

“Nasihat saya kepada orang ramai, lakukanlah ujian saringan untuk mengesan penyakit ini. Ini kerana ketika saya di hospital, ramai yang datang berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan kanser usus,” katanya yang turut bergiat aktif dalam Persatuan Survivor Kanser Kolorektum Malaysia (CORUM) bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penyakit itu.

### HILANG HAMPIR SEPARUH USUS

Walaupun sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat dan menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala, Eirwan Shaile Elias tidak sangka dirinya mengalami kanser usus.

Eirwan, 48, berkata, dia tidak mengalami sebarang gejala berkaitan kanser usus mahupun terasa sakit di bahagian perut.

Malah kakitangan di sebuah institusi perbankan itu tidak culas dalam menjalankan pemeriksaan kesihatan sejak dulu lagi.

“Pada 2023, seperti biasa, saya menjalankan pemeriksaan kesihatan di sebuah hospital dan yakin tiada sebarang masalah seperti sebelum ini. Sebaik mendapat keputusan, saya mula berdebat apabila doktor terus meminta saya datang ke hospital.

“Doktor memberitahu, ada satu petunjuk iaitu hemoglobin



(DUA dari kiri) EIRWAN dan Nor Azri pada Forum Awam Kanser Kolorektal dan Kolorektal Malaysia (MSCRS) baru-baru ini. Panel lain Nik Qisti Fathi, Shafawi

saya rendah iaitu di bawah 12. Saya terkejut juga apabila doktor berkata, mungkin ada pendarahan sama ada di bahagian dubur atau perut,” katanya.

Sememangnya keputusan itu agak menghairankan Eirwan kerana selama ini, dia tidak merasa sebarang sakit.

Malah dia sudah lama tidak mengambil cuti sakit.

Eirwan diminta menjalani skop usus tetapi pada awalnya dia enggan kerana sibuk bekerja.

“Saya beri alasan sibuk bekerja dan tiada masa untuk

menjalankan pemeriksaan berkenaan. Tambahan pula, saya tidak rasa sebarang sakit dan tak percaya dengan kata-kata doktor. Jadi, buat apa menjalani pemeriksaan?”

“Selepas berkali-kali dipujuk doktor, akhirnya saya menjalankan pemeriksaan skop pada 1 Disember 2023 demi mengenangkan masa depan diri dan keluarga saya,” katanya.

Apabila keputusan skop keluar petang itu, ada tumor dalam usus besarnya dan doktor mencadangkan supaya ketumbuhan itu dikeluarkan

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 25  
RUANGAN : GAYA



uran Persatuan Pakar Bedah  
i Adznan dan Mayuha Rusli.

supaya tidak merebak ke organ lain.  
"Sementara menunggu tarikh pembedahan pada 27 Disember 2023, saya rasa cukup tertekan. Keluarga dan rakan pun tidak percaya dengan apa yang berlaku. Itulah kali pertama saya menjalani pembedahan.  
"Tertanya juga kenapa saya boleh kena sebab tidak merokok. Namun saya muhasabah diri dan menerima hakikat semuanya ketentuan ilahi. Mungkin sebab ayah saya pernah mengalami kanser perut," katanya.

Selepas pembedahan, ketumbuhan itu dihantar ke makmal dan Eirwan disahkan menghidap kanser tahap satu.

Bagi mengelakkan sel kanser merebak ke tempat lain, hampir separuh ususnya terpaksa dibuang.

Eirwan kini menjalani kehidupan seperti biasa tetapi kesan kehilangan usus menyebabkannya mudah membuang air besar sebaik selepas makan.

**DUA KUMPULAN BERISIKO**

Ada dua kumpulan berisiko menyebabkan kanser usus atau kanser kolektoral.

Satu kumpulan adalah kumpulan yang boleh diubah seperti gaya hidup seperti gaya pemakanan seseorang iaitu lebih banyak makan makanan berserat, buah segar dan sayur-sayuran.

Manakal satu lagi kumpulan berisiko adalah yang tidak boleh diubah seperti keturunan, genetik dan usia.

Dr. Nik Qisti berkata, semakin meningkat usia seseorang, semakin tinggi risiko mendapat kanser.

Namun faktor yang boleh diubah boleh dicegah dengan mengamalkan gaya hidup sihat, mengelakkan obesiti dan menjalani pemeriksaan berkala iaitu IFOBT dan ujian kolonoskopi.

"Orang ramai perlu lebih peka dengan gejala kanser usus seperti darah dalam najis,



EIRWAN SHAILE ELIAS



NOR AZRI MOHD NOOR

tabiat membuang air besar yang berubah daripada sekali sehari ke tiga empat kali sehari.

"Walaupun faktor risiko lebih tinggi dalam kalangan individu berusia 50 tahun ke atas, mereka berumur kurang 50 tahun juga perlu mengawasi



ORANG ramai perlu peka dengan gejala kanser usus seperti darah dalam najis dan tabiat membuang air besar yang berubah. - GAMBAR HIASAN

sebarang gejala kerana lebih muda usia seseorang, sel kanser lebih agresif dan cepat merebak," katanya.

**KENAL PASTI NAJIS BERDARAH**

Penting mengenalpasti gejala kanser seperti najis bercampur darah.

Ada sesetengah gejala, najis keluar bersama darah.

Ada darah yang keluar selepas membuang air besar.

Ada gajala lain perlu diperhatikan seperti najis kehitam-hitaman kerana bercampur darah.

Dr. Sharfawi berkata, najis berdarah boleh juga disebabkan buasir dan buasir juga adalah salah satu petanda barah usus.

Ramai yang datang ke hospital dengan simptom najis berdarah.

"Sifat kanser usus adalah sangat cepat membesar dan membabitkan organ lain. Kanser boleh merebak dari usus ke hati dan tulang.

"Sekiranya kanser ini dibiarkan, pesakit akan mengalami gejala semakin teruk.

"Pada peringkat teruk, tidak banyak rawatan boleh dilakukan dan tidak berkesan.

"Bagaimanapun, pengesanan awal penting kerana rawatan kanser usus kini semakin baik termasuk pembedahan.

"Walaupun sel kanser sudah merebak, ia masih boleh dirawat," katanya.

**90 peratus peluang sembuh**

PENGESANAN awal menerusi ujian saringan boleh meningkatkan peluang untuk pesakit sembuh sehingga 90 peratus.

Dr. Mayuha berkata, walaupun seseorang itu nampak sihat, tidak semestinya selamat daripada kanser usus kerana pada peringkat awal, ia tidak menunjukkan simptom.

"Sebaiknya jalani pemeriksaan bagi mengesan awal kanser usus dan mencegahnya daripada merebak ke organ lain.

"Mereka yang berusia 50 tahun, sekiranya ada sejarah keluarga seperti ibu bapa dan adik beradik menghidap sebarang kanser, digalakkan membuat ujian pemeriksaan najis dan kolonoskopi.

"Kalau ada sejarah keluarga seperti ibu bapa dan adik-beradik mengalami



PENGESANAN awal menerusi ujian saringan boleh meningkatkan peluang untuk pesakit sembuh sehingga 90 peratus. - UTUSAN/HALINA MD. NOOR

kanser pada usia 50 tahun, ujian saringan perlu dibuat oleh ahli keluarga lain pada usia 10 tahun lebih muda daripada ahli keluarga yang mengalami kanser," katanya

Menerusi pengalamannya, ada pesakit muda mengalami kanser usus.

Pesakitnya yang paling muda, berusia 26 tahun dan tiada sejarah keluarga

menghidap kanser.

Pesakit itu datang dengan simptom cirit birit, mengalami perubahan tabiat membuang air besar dan tubuh yang semakin kurus.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 32  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Rantai emas pusaka hilang ketika terima rawatan di hospital

**JOHOR BAHRU:** Seorang wanita warga emas kecewa setelah kehilangan barang kemas bernilai kira-kira RM9,000 ketika mendapatkan rawatan di sebuah hospital awam di bandar raya ini, bulan lalu.

Mangsa, P. Saroja, 63, berkata, dia lebih terkilan kerana rantai emas seberat kira-kira 24 gram yang hilang itu adalah peninggalan mendiang ibu mentuanya.

Katanya, dia menyedari rantai emas itu serta wang tunai RM200 hilang pada pukul 3.30 petang ketika menerima rawatan di bahagian keemasan hospital berkenaan, 25 Julai lalu.

“Saya bukan sengaja memakai barang kemas ke hospital, pada awalnya saya hanya ke klinik kesihatan berhampiran rumah di Taman Universiti, di sini tetapi akibat masalah darah tinggi, saya dibawa ke hospital.

“Hampir empat hari saya dalam keadaan tidak stabil sebelum menyedari kehilangan barang kemas dan wang,” katanya kepada pemberita semalam.

Ibu kepada tujuh cahaya mata itu berkata, dia turut bertanyakan kepada kakitangan hospital yang berada di bahagian kecemasan namun tidak menerima maklum balas positif.

Malah, katanya, dia juga dimaklumkan kamera litar tertutup (CCTV) di hospital berkenaan tidak berfungsi.

“Ahli keluarga saya juga berusaha bagi mendapatkan penjelasan pihak pengurusan namun gagal,” katanya.

Katanya, perkara seperti itu tidak sepatutnya berlaku terhadap pesakit yang menerima rawatan di hospital kerana boleh menimbulkan rasa kurang senang selain mencemar nama baik hospital terbit.

Katanya, dia sudah membuat laporan polis di Balai Polis Sentral, di sini pada 1 Ogos lalu supaya kejadian berkenaan disiasat secara menyeluruh.

Kelmarin, tular sebuah video dalam TikTok berkaitan pendedahan kes kecurian di sebuah hospital di bandar raya ini.

Di ruangan komentar, beberapa warganet turut berkongsi pengalaman buruk yang dialami mereka melibatkan permasalahan sama ketika menerima rawatan di hospital berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat mengesahkan menerima laporan polis dari mangsa dan memaklumkan siasatan akan dilakukan.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : VIEWS

## Are we ready for mpox in M'sia?

WHILE the World Health Organisation (WHO) has declared mpox (or monkey pox) a public health emergency of international concern, I have yet to hear much of a reaction from our government, not even the Health Ministry in terms of awareness of the threat, unlike with Covid-19.

According to the WHO, mpox is an infectious disease caused by the monkey-pox virus that can cause a painful rash, enlarged lymph nodes, and fever. It is spread by direct contact with an infected person, animal, or contaminated items like bedding. Is our government prepared for this? Or is the virus not as serious as the Covid-19 virus? I sincerely hope that the Health Ministry is on top of this.

**Datuk Wee Beng Gee**  
Petaling Jaya